



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

## [METHODODOLOGY AND INTENSITY OF ULAMA IN QURANIC SANAD KNOWLEDGE WRITING]

### FENOMENA TAHFIZ DI MALYSIA: KEPERLUAN INSTITUT PERGURUAN TAHFIZ MALAYSIA BAGI LEPASAN ALIRAN TAHFIZ

NORAZMAN ALIAS<sup>1\*</sup>  
MUHAMMAD HAFIZ SALEH<sup>1</sup>  
ABD MUHAIMIN AHMAD<sup>1</sup>  
MUHAMMAD ARIF MUSA<sup>1</sup>  
HAYATI HUSSIN<sup>1</sup>  
ZAINORA DAUD<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

\*Corresponding author: [norazman@usim.edu.my](mailto:norazman@usim.edu.my)

Received Date: 7 November 2019 • Accepted Date: 28 April 2020

#### **Abstract**

*It is well known that the Quranic sanad is one of the three main conditions in accepting the authentic of Quranic recitations (also known as qiraat). In the beginning, the Quranic sanad was recorded on a piece of paper as an important document confirming that one had finished reading the Quran in front of the teacher and had completed all knowledge related to qiraat. The writings relating to Quranic sanad have evolved with the birth of Quranic figures such as Al-Zahabi (d. 748H) who produced the work of Ma'rifah al-Qurra' al-Kibar, Ibn al-Jazari (d. 833H) through the work of Ghayah al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra' and al-Nasyr fi al-Qiraat al-Asyr and more. The objective of this study is to study the methodology in the writing of former scholars in works related to the Quranic sanad. In addition, the study also focuses on the writings of contemporary scholars in this field such as the book of Ithaf al-Zaman bi Asanid Ahl al-Quran by Dr. Ilyas al-Barmawi and the book of al-Salasil al-Zahabiyyah bi al-Asanid al-Nasyriyyah by Dr. Aiman Rusydi Suwaid who reviews the Quranic sanad in a structured and critical manner. This study will be conducted through descriptive qualitative methods with particular focus on selected Quranic sanad books. The deductive method in the study will be used to maximize the expected results. The study found that writing in this field has been given priority by previous scholars by using of the Qurra' biography method, their teachers and students. The contemporary scholars, however, emphasized the existence of high-level sanad to the Messenger of Allah and also discussed current issues related to sanad.*

**Keywords:** *Quranic sanad, Intensity of Ulama, Methodology*

## Abstrak

Penulisan ini akan menyentuh kepada perkembangan tahfiz di Malaysia bermula dengan lonjakan pencapaian pelajar tahfiz Maahad Tahfiz Al-Quran, Pulau Chondong, Kelantan dalam keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2003 di peringkat nasional sehingga mencetus fenomena perkembangan pelbagai kurikulum tahfiz di peringkat kebangsaan. Namun begitu, dalam keghairahan masyarakat menghantar anak mereka ke sekolah aliran tahfiz, terdapat kelompondan pendidikan dari sudut melahirkan graduan tahfiz yang boleh menghafizkan orang lain. Hal ini adalah kerana, di peringkat institusi pengajian tinggi, penawaran kursus yang berkaitan seperti Metodologi Pengajaran Tahfiz Al-Quran adalah bersifat terfokus dan terhad. Sedangkan seiring dengan arus perdana – sebagaimana dalam bidang perguruan yang lain – tuntutan semasa menzahirkan kewajaran mewujudkan Institut Perguruan Tahfiz Malaysia di peringkat nasional khususnya bagi para pelajar di aliran tahfiz swasta. Justeru, data dan informasi yang dinyatakan dalam kertas kerja ini adalah kerangka cetusan idea, proses pelaksanaan dan bingkisan cadangan dalam merafakkan martabat pengajian tahfiz di Malaysia. Kertas kerja ini akan memberi fokus kepada dua objektif utama iaitu menyoroti gelombang tahfiz arus perdana di Malaysia dan cadangan penubuhan Institut Perguruan Tahfiz Malaysia bagi pelajar lepasan aliran tahfiz. Metodologi kajian yang digunapakai ialah kaedah perpustakaan dan analisis dokumen yang terdiri daripada kajian lepas, jurnal, buku, artikel prosiding, tesis dan akhbar. Berdasarkan kepada data yang diperolehi daripada En. Muhamad Shafie bin Ismail, Ketua Unit Pemerkasaan Pengajian Al-Quran, KPM, sehingga Februari 2019 terdapat hampir 1381 buah sekolah tahfiz aliran swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, dengan jumlah pelajar mencecah 70,000 pelajar. Jumlah pelajar tahfiz swasta yang begitu besar dalam arus kebangsaan ini amatlah perlu diterapkan dengan elemen pedagogi seiring dengan pelajar di Institut Perguruan yang lain. Diharap agar kertas kerja ini dapat menyumbang ke arah memartabatkan bidang tahfiz di Malaysia khususnya dalam konteks perguruan bagi graduan tahfiz al-Quran swasta.

**Kata kunci:** Fenomena Tahfiz, Institut Perguruan, Lepsan Tahfiz.

**Cite as:** Norazman Alias, Muhammad Hafiz Salleh, Abd Muhaimin Ahmad, Muhammad Arif Musa, Hayati Hussin & Zainora Daud. 2020. Fenomena Tahfiz Di Malaysia: Keperluan Institut Perguruan Tahfiz Malaysia Bagi Lepsan Aliran Tahfiz. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(2): 22-33.

## PENGENALAN

Menyoroti konteks pengajian tahfiz arus perdana di Malaysia, ia bermula sejak tahun 1966 yang lalu, di mana Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama ketika itu telah menyarankan penubuhan ma'ahad tahfiz dengan nama Ma'ahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat di Malaysia. Maahad ini telah beroperasi di Masjid Negara, Kuala Lumpur dan kemudiannya diletakkan di bawah Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) (Hameed, 2003). Bermula 1997, maahad tahfiz ini dinaiktarafkan sebagai salah satu bahagian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan dinamakan Darul Quran beroperasi di Kompleks Darul Quran di Kuala Kubu Bharu, Selangor yang berorientasikan al-Quran dan akademik. Perkembangan positif ini berterusan sehinggalah ke hari ini dengan tertubuhnya pelbagai jenis sekolah aliran tahfiz kerajaan mahupun swasta di seluruh negara.

Pun begitu, kecemerlangan pelajar sekolah aliran tahfiz ini dari sudut akademik mahupun ko-kurikulum agak kurang disebut dan diperkatakan oleh masyarakat dan media arus perdana sebelum ini. Dek kerana itu, tiada sebuah pun institusi pengajian tinggi yang melihat keperluan penawaran program atau kursus aliran tahfiz di peringkat ijazah sarjana muda. Menurut pandangan Prof. Dato' Dr. Abdul Halim bin Tamuri, masyarakat dan media arus perdana mula memperkatakan tentang kecemerlangan pelajar aliran tahfiz ini ialah sekitar pada tahun 2004 apabila sebuah maahad tahfiz negeri yang berjaya menempatkan nama mereka sebaris dengan sekolah arus perdana yang lain sehingga mendapat pengiktirafan Sekolah Agama Negeri (SAN) Cemerlang Malaysia dalam SPM 2003 iaitu Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat, Pulai Chondong, Kelantan. (Tamuri, 2019)

### **SEKOLAH AGAMA NEGERI (SAN) CEMERLANG SPM 2003 - MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT, PULAI CHONDONG**

Menurut Prof. Dato' Dr. Abdul Halim Tamuri, berdasarkan kepada kajian beliau didapati antara faktor lonjakan nama sekolah aliran tahfiz yang cemerlang di persada nasional adalah menerusi pencapaian Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat, Pulai Chondong, Kelantan (Tamuri, 2019) dalam keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2003 sebagai Sekolah Agama Negeri (SAN) Cemerlang SPM. (Muhaidi Hj Mustafa, 2015)

#### **Sejarah Penubuhan**

Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, Pulai Chondong (MTAQPC) telah ditubuhkan pada tahun 1992. Ia wujud hasil daripada cadangan yang telah dibuat oleh Y.A.B Almarhum Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat setelah menerajui Kelantan sebagai Menteri Besar pada tahun 1990. Yayasan Islam Kelantan (YIK) menjunjung 55 tinggi cadangan ini dan mengambil inisiatif untuk mengendalikan pengurusan MTAQPC. Seramai 30 orang pelajar dipilih untuk menjadi generasi sulung pelajar MTAQPC.

Pada ketika itu, mereka ditempatkan di bangunan Lembaga Peperiksaan YIK, Nilam Puri kerana kompleks MTAQPC masih lagi dalam pembinaan. Dua orang guru telah dilantik iaitu Ustaz Mohd Mansor bin Hj Daud dan Ustaz Nazaruddin bin Jalaluddin sebagai tenaga pengajar dengan dibantu oleh beberapa orang pegawai YIK. Mereka kemudiannya beralih ke tempat baru, iaitu Kompleks MTAQPC di Pulai Chondong pada 16 Mei 1993.

Kompleks MTAQPC ketika itu sudah siap binaan asasnya, dengan sebuah bangunan di atas tanah seluas empat ekar. Walaupun para pelajar terpaksa menghadapi segala kekurangan dari segi prasarana dan kemudahan, namun mereka berjaya mengikuti segala proses pembelajaran seperti mana yang diharapkan oleh kerajaan.

#### **Syarat Kemasukan**

Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, Pulai Chondong (MTAQPC) mengambil 52 orang pelajar setiap tahun. Pelajar yang ingin memohon tingkatan satu (soff Tajwidi) di MTAQPC mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

- Tamat tahun 6 SRK/SRJK atau setaraf dengannya
- Lelaki, khatam al-Quran dan boleh membacanya dengan baik
- Mendapat sekurang-kurangnya 4A dalam peperiksaan UPSR atau setaraf dengannya  
Borang permohonan boleh didapati di MTAQPC dan YIK selepas berakhirnya peperiksaan UPSR. Borang permohonan yang ingin diserahkan kembali hendaklah disertakan bersama:
- Salinan kad pengenalan/surat beranak
- Keputusan sebenar UPSR  
Borang permohonan hendaklah diserahkan kembali paling lewat dua minggu selepas keputusan UPSR diumumkan.

### **Kurikulum**

Buku-buku teks dan sukatan pelajaran di MTAQPC adalah mengikut sukatan sekolah-sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) dengan menggunakan sukatan akademik peringkat nasional, sementara mata pelajaran Quran dan Qiraat adalah berdasarkan kepada kurikulum Maahad Qiraat al-Azhar, Mesir.

### **Sistem Pembelajaran**

Waktu pembelajaran rasmi di MTAQPC bermula pada 7.30 pagi hingga 2.30 petang yang dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi hafazan al-Quran dan sesi pembelajaran agama/akademik. Sesi pengajian tahfiz tambahan pula bermula selepas solat maghrib berjamaah hingga 9.15 malam. Bagi hari Jumaat, Sabtu dan cuti am pula, waktu pembelajaran rasmi diganti dengan sesi hafazan al-Quran pada pukul 8.00 pagi sehingga 9.30 pagi.

### **Sistem Pengajian**

Sistem pengajian di MTAQPC menggabungkan tiga kurikulum pendidikan sekaligus iaitu al-Quran & Qiraat, agama/arab dan akademik. Pengajian al-Quran dan Qiraat yang dipelajari di sini adalah sama dengan sukatan dan sistem pengajian yang dijalankan di Maahad Qiraat al-Azhar al-Syarif Shoubra, Mesir. Pengajian di MTAQPC meliputi sistem semester yang bagi setiap tahun pengajian para pelajar akan melalui dua semester, jumlah semester yang mesti dihabiskan di sini ialah sebanyak 11 semester pengajian bermula dari tahun pertama hingga tahun keenam.

Semester pertama bermula pada bulan Januari hingga akhir bulan Jun manakala semester kedua pula bermula pada bulan Julai hingga akhir bulan Disember setiap tahun. Namun pada semester terakhir, pengajian bermula pada bulan Januari hingga bulan Julai. Pada semester ini para pelajar akan didedahkan dengan proses pengajian dan pembelajaran di Maahad Qiraat al-Azhar al-Syarif, Mesir untuk membiasakan mereka tentang sistem pengajian yang diajarkan di sana.

Proses pembangunan kecemerlangan pelajar bermula pada tahun generasi pertama dan generasi kedua iaitu pada tahun 1992. Kemasukan pengambilan pelajar untuk tingkatan 1 diambil pada bulan Disember tahun 1991, di mana proses pengambilan pelajar generasi pertama

dan kedua dilakukan secara rambang. Namun begitu, bermula pada pengambilan generasi ketiga sehingga seterusnya, proses pengambilan pelajar baru dilihat dari sudut pencapaian mereka dalam UPSR dengan sekurang-kurangnya 3A ke atas sehinggalah pada tahun 2008, syarat kemasukan pelajar semakin diperkemas dengan memperoleh sekurang-kurangnya 4A dalam keputusan UPSR.

Pada bulan Disember 1991, YIK mengamalkan sistem peralihan selama 1 tahun sebelum pelajar memasuki tingkatan 1. Manakala pada tahun 1994, sistem peralihan dimansuhkan oleh YIK yang mana ia menyebabkan para pelajar terus memasuki tingkatan 1 tanpa mengikuti kelas peralihan selama 1 tahun.

Pada tahun 1995, kelas peralihan diwujudkan kembali bagi memberi pendedahan awal kepada para pelajar sehingga ia dimansuhkan kembali pada tahun 2004. Disebabkan pembatalan sistem peralihan ini dan pengwujudan semula sistem peralihan pada tahun tertentu, menyebabkan tiada calon pelajar yang menduduki peperiksaan pada tahun tertentu. Contohnya, Sijil Menengah Ugama (SMU) pada tahun 1998, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 1999, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau Sijil Tinggi Tahfiz al-Quran (STTQ) tahun 2000.

### **Peluang Melanjutkan Pengajian**

Antara keistimewaan MTAQPC ialah para pelajarnya berpeluang untuk menyambung pengajian ke mana-mana institusi-institusi pengajian tinggi IPTA/IPTS dalam dan luar negara. Antara pengiktirafan sijil bagi tujuan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi ialah:

<b>SIJIL</b>	<b>PELUANG</b>
Ting. 4 SMU	Pondok Moden Bachok, Kelantan
Ting. 5 SPM	IPTA/IPTS tempatan seperti USIM, UM, UIAM, UKM, UITM dll.
Ting. 6 STAM	Universiti tempatan seperti USIM dan juga timur tengah seperti al-Azhar, Madinah, Mekah, Jordan dll.
STTQ	Maahad Qiraat al-Azhar Shoubra, Mesir.

### **Prestasi dan Pencapaian**

Sejak penubuhannya, MTAQPC telah menempa beberapa kejayaan yang membanggakan banyak pihak. Antaranya ialah Anugerah Sekolah Terbaik YIK pada tahun 1997, 1998, 2000 dan 2003, serta Anugerah Sekolah Terbaik SMU YIK pada tahun 2000 dan 2003, serta Anugerah Sekolah Terbaik SPM YIK pada tahun 1997, 1998, 2000, 2001, 2002 dan 2003, dan kejayaan yang menempa nama MTAQPC di persada kebangsaan ialah Anugerah Sekolah Cemerlang SPM 2003 pada peringkat kebangsaan bagi kategori SAN/SMKA. (mtaqyk, 2011)

### **Fenomena Tahfiz Arus Perdana**

Pengajian tahfiz terus mendapat perhatian dan berkembang pesat di Malaysia. Sehingga Disember 2017, maahad tahfiz negeri yang berdaftar (sekolah agama negeri tahfiz) ialah

sebanyak 20 buah dengan jumlah murid seramai 4,348 murid di seluruh Malaysia, manakala maahad tahfiz swasta yang berdaftar pula ialah sebanyak 815 buah sekolah dengan jumlah murid seramai 47,474 murid di seluruh tanahair (Tamuri, 2019).

Hakikatnya, pengajian tahfiz arus perdana kini dilestarikan dengan menerapkannya dalam sistem pendidikan nasional di peringkat menengah atas saranan Yang Berhormat Dato' Seri Idris bin Jusoh. Program ini diletakkan di bawah program Tahfiz Ulul Albab dengan pelaksanaan awalnya di Sekolah Menengah Imtiyaz Yayasan Terengganu (SMIYT) iaitu di SMIYT Besut, SMIYT Dungun, SMIYT Kuala Terengganu, SMIYT Kuala Berang, SMIYT Kemaman, SMIYT Setiu dan SMIYT Kuala Nerus dengan hasrat menjadikan Terengganu sebagai hub pendidikan Islam utama di Malaysia melalui pemodenan sekolah pondok (Baba, 2013)

Atas semangat yang sama Majlis Amanah Rakyat (MARA) memperkenalkan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) yang menekankan elemen Qur'anik, Ijtihadik dan Ensiklopedik menerusi penawarannya di MRSM Ulul Albab Kota Putra, Terengganu; MRSM Ulul Albab Gemencheh, Negeri Sembilan; MRSM Ulul Albab Kepala Batas, Pulau Pinang dan MRSM Ulul Albab Tawau, Sabah (Hamzah, 2016). Kementerian Pendidikan Malaysia membawa pendekatan yang sama dengan melaksanakan TMUA di Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. Bermula tahun 2014 negeri Pahang (SMAP Bentong), Kuala Lumpur (SMKA Kuala Lumpur) dan Kedah (SMKA Kedah) telah melaksanakannya dengan dua laluan dan syarat kemasukan iaitu ketika tingkatan satu dan empat. Pada tahun 2015 pula telah dilaksanakan secara lebih meluas ke seluruh negara iaitu: di Selangor (SBPI Rawang); Perak (SMKA Kerian); Johor (SMKA Maahad Muar), dan Kelantan (SMKA Tok Bachok), tahun 2016 pula dilaksanakan di Terengganu (SBPI Batu Rakit), Sabah (SMKA Kota Kinabalu), Negeri Sembilan (SMKA Haji Abu Hassan Sail) dan Pulau Pinang (SMKA Nibong Tebal), manakala 2017 pelaksanaannya di Melaka (SBPI Selandar), Perlis (SMKA Arau), Wilayah Persekutuan Putrajaya (SMKA Putrajaya), dan Sarawak (SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab).

Melihat kepada gelombang 1 (Bab 7), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), dalam perkara "Mengukuhkan laluan pendidikan agama", Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah beriltizam menetapkan sasaran dalam menyediakan pendidikan agama berkualiti tinggi yang lengkap dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan berasaskan nilai dan tasawur Islam yang kukuh. Bagi mejayakannya, kementerian memperkukuhkan pelaksanaan dengan mengangkat Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebagai kurikulum kebangsaan serta menerapkan elemen agama dalam ke dalam kurikulum kebangsaan.

Kurikulum ini diselaraskan oleh pihak Jawatankuasa Kurikulum Agama, Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI), dan dilaksanakan di 164 buah sekolah di Malaysia (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI)). Pelajar kini mempunyai banyak pilihan untuk mengikuti pengajian tahfiz arus perdana di Malaysia dengan kewujudan KBT ini. (KPM, 2015)

## **Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)**

Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) adalah kurikulum yang digubal berdasarkan kurikulum tahfiz al-Quran dari pelbagai institusi pendidikan agama yang diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jawatankuasa Kurikulum Agama Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran Dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

KBT menggabungkan dua komponen mata pelajaran tahfiz al Quran dengan sebahagian mata pelajaran sedia ada dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pengintegrasian komponen ini diharap dapat melahirkan generasi pelajar yang menghafaz al-Quran (al-hafiz), menguasai dan mengamalkan ilmu-ilmu al-Quran di samping ilmu-ilmu lain. KBT ini juga akan memastikan pelajar dapat menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran dalam masa 5 tahun pengajian di peringkat sekolah menengah.

Sehingga tahun 2019, terdapat hampir 11 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), 4 buah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan 17 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dengan jumlah pelajar yang terlibat berjumlah 12,763 orang pelajar. (Ismail, 2019)

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pendidikan dan latihan ikhtisas guru tahfiz merupakan faktor yang paling utama dalam menentukan kualiti guru dan kualiti pengajaran. Pengetahuan bidang pengajian tahfiz dan kemahiran pedagogi menjadi penentu utama dalam kualiti pengajaran dan pembelajaran tahfiz di peringkat sekolah menengah dan rendah.

Pun begitu, berdasarkan kepada laporan daripada Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) mendapati bahawa guru tahfiz khususnya dari maahad tahfiz swasta tidak terlatih dalam bidang pendidikan dan pendidikan tahfiz al-Quran. Kelayakan guru tahfiz yang mempunyai latar pendidikan yang pelbagai dari dalam dan luar negara seperti Indonesia, India, Pakistan, Sudan, Mesir dan Afrika Selatan, akan mencorakkan pendidikan yang berbeza terhadap para pelajar mereka.

Menurut laporan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2015, didapati bahawa terdapat seramai 785 orang guru tahfiz di sekolah tahfiz di bawah kendalian kerajaan. Manakala di aliran swasta pula terdapat seramai 3,390 orang guru tahfiz yang sedang berkhidmat di maahad tahfiz swasta. (Perak, 2015)

Melihat kepada pernyataan masalah yang dikemukakan, terdapat suatu kelompongan besar dalam konteks pendidikan negara bagi pelajar aliran tahfiz selepas mana mereka menamatkan pengajian di peringkat menengah. Keperluan penubuhan institusi pendidikan tahfiz pada hari ini amatlah wajar dan bertepatan seiring dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Dengan gabungan pelbagai model tahfiz yang terdapat di Malaysia seperti tahfiz integrasi akademik, tahfiz sains, tahfiz sepenuh masa, tahfiz agama dan tahfiz pemulihan akhlak, mudah-mudahan akan membawa kepada penubuhan institusi pendidikan tahfiz arus perdana yang sistematik dan bersepadu dalam arus pendidikan kebangsaan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dan analisis dokumen di mana pengkaji membuat penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan, jurnal, buku, artikel prosiding, laporan, tesis dan minit mesyuarat.

## **CADANGAN PENUBUHAN INSTITUT PERGURUAN TAHFIZ MALAYSIA (IPTM)**

Dalam memperjuangkan program tahfiz di peringkat nasional agar terus kekal relevan, cadangan penubuhan Institut Perguruan Tahfiz Malaysia (IPTM) amatlah bertepatan dalam melatih bakal-bakal guru tahfiz sekolah rendah dan menengah. Program pengajian yang akan ditawarkan pula adalah bertujuan untuk memberi ilmu pengetahuan dan menyediakan pengalaman bagi membolehkan bakal guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas yang berkaitan dengan profesion perguruan. Dalam meneliti perkara ini, penyelidik mencadangkan penawaran program ijazah sarjana muda baru yang setaraf dengan graduan IPG KPM iaitu IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN TAHFIZ dengan Kepujian (ISMPT). Antara elemen penting penawaran sebuah program baaru yang boleh diketengahkan di sini ialah:

- **Matlamat Program**  
Matlamat Program ini adalah untuk melahirkan guru siswazah sekolah rendah mahupun menengah yang terlatih, dinamik, berwibawa dan kompeten dalam melaksanakan tugas-tugas mereka sebagai pendidik dan memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru.
- **Objektif Pendidikan Program (PEO)**  
Seiring dengan PEO Institut Pendidikan Guru Malaysia, terdapat enam (6) PEO yang perlu dicapai oleh setiap graduan IPTM iaitu:
  1. PEO1 – Berpengetahuan (PLO1) dan berkemahiran praktikal (PLO2) dalam bidang keguruan selaras dengan kehendak organisasi dan pelanggan.
  2. PEO2 – Menjana penyelesaian masalah (PLO3) dalam bidang keguruan melalui pendekatan saintifik secara inovatif, kreatif dan beretika (PLO8).
  3. PEO3 – Berkomunikasi (PLO4) secara berkesan dengan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan memperkukuhkan bahasa Inggeris.
  4. PEO4 – Berupaya mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber (PLO6).
  5. PEO5 – Mempamerkan kemahiran keusahawanan, pengurusan (PLO7) dan menyedari keperluan pembelajaran sepanjang hayat (PLO6) untuk pembangunan kerjaya.
  6. PEO6 – Memiliki nilai dan sikap profesionalisme (PLO8), ciri-ciri kepimpinan (PLO9), berkemahiran social, bertanggungjawab dan mampu melaksanakan kerja berpasukan (PLO5).



- **Syarat Kemasukan**  
 Bagi memastikan kualiti graduan yang bakal dilahirkan, kemasukan pelajar ke program ini perlulah melalui Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Tahfiz (PPISMPT) yang dikendalikan oleh pihak IPG KPM dan perlulah memperoleh LULUS dalam semua kursus yang telah didaftarkan sama ada dalam peperiksaan asal ataupun ulangan. Selain itu, sijil tahfiz (tamat hafazan 30 juz) yang diiktiraf oleh institusi/badan berkelayakan seperti JAKIM perlulah disertakan bagi memenuhi syarat khusus kemasukan.
  
- **Tempoh Pengajian Program**  
 Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Tahfiz (PISMPT) di IPTM ini dikendalikan selama empat (4) tahun iaitu lapan (8) semester.
  
- **Pelaksanaan Kurikulum Program**  
 Semua program pengajian dikendalikan melalui kuliah, tutorial, amali dan projek. Kuliah diadakan setiap minggu mengikut jadual waktu yang telah ditetapkan. Di samping itu, pelajar akan didedahkan dengan kerja amali di makmal atau bengkel atau di lapangan bagi mendapatkan kemahiran yang berkaitan. Pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar juga diamalkan termasuk Pembelajaran Berasaskan Projek (Project-based Learning) dan Pembelajaran Berasaskan Masalah (Problem-based Learning). Penggunaan Unit Plan, portfolio pembelajaran, kajian kes, penyelidikan tindakan, pentaksiran prestasi (performance assessments), penilaian tugasan terarah, dan penilaian portfolio dilaksanakan bagi memastikan pembelajaran diaplikasi kepada masalah amalan atau praktis yang sebenar. Di samping itu pelajar juga diwajibkan menjalani amalan profesional di sekolah tahfiz rendah dan menengah dalam menekankan pengalaman klinikal dan bimbingan melalui pengalaman berasaskan sekolah, praktikum, internship, latihan industri atau service learning akan dilaksanakan sepanjang pengajian untuk mengaplikasikan teori dalam situasi sebenar.
  
- **Penilaian**  
 Penilaian terhadap setiap kursus dibuat secara berterusan di sepanjang semester berdasarkan kerja kursus dan peperiksaan bertulis. Penilaian kerja kursus lazimnya dibuat berasaskan kuiz, tugasan, kertas projek, ujian amali dan ujian akhir kursus kendalian kampus. Penilaian bagi amalan profesional dilakukan oleh pensyarah bersama guru pembimbing yang dilantik oleh IPTM dan pihak sekolah mengikut tatacara yang telah ditetapkan.
  
- **Syarat Bergraduasi**  
 Seseorang pelajar akan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Tahfiz (ISMPT) dengan Kepujian setelah berjaya menyempurnakan pengajian selama lapan (8) semester dengan jumlah kredit 120 kredit dan memenuhi semua syarat lain yang ditetapkan oleh Senat IPTM.

• Struktur Program

Struktur program merupakan kerangka dan komponen kurikulum yang menetapkan kursus-kursus yang ditawarkan serta jumlah jam kredit dan kewajarannya. Secara umumnya kurikulum program ini mengandungi lima (5) komponen utama iaitu Kursus Institut Pendidikan Guru (IPG), Kursus Asas Pendidikan, Kursus Teras, Kursus Amalan Profesional, Kursus Elektif Teras, dan Elektif Terbuka.

Komponen	Kursus		Kredit
	1	Bahasa Melayu Komunikatif/ English Language Proficiency*	2
	2	Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)	2
	3	Kokurikulum	6
	4	Pendidikan Islam/ Pengenalan kepada Pendidikan Moral	2
	5	Bina Insan Guru (BIG)	2
	6	Hubungan Etnik	2
<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>			<b>16</b>
	1	Falsafah dan Pendidikan di Malaysia	3
	2	Perkembangan Kanak-kanak	3
	3	Murid dan Pembelajaran	3
	4	Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku	3
	5	Teknologi untuk Pengajaran dan Pembelajaran	3
	6	Pentaksiran dalam Pendidikan	3
	7	Budaya dan Pembelajaran	3
	8	Asas Kepimpinan dan Pembangunan Profesionalisme Guru	3
<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>			<b>24</b>
	1		
	2		
	3		
<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>			<b>35</b>
	1	Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran	2
		Praktikum 1/	6
		Praktikum 1 Bimbingan dan Kaunseling	2
		Praktikum 2/	6
		Praktikum Bimbingan dan Kaunseling	2
		Internship	2
		Internship Bimbingan dan Kaunseling 1	4
	5	Internship Bimbingan dan Kaunseling 2	2
	6	Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) - Tugas PBS dijalankan selama 3 minggu dan disandarkan dengan Kursus Teras, Kursus Asas Pendidikan, dan Elektif Teras.	
<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>			<b>16</b>
	1		
	2		
	3		
<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>			<b>20</b>
	1		
	2		
	3		
<b>JUMLAH JAM KREDIT</b>			<b>9</b>
<b>JUMLAH JAM KREDIT KESELURUHAN</b>			<b>120</b>

\* Cadangan: Penawaran Kursus Teras Program boleh dilihat kepada pengkhususan bakal graduan ISMPT seperti Metodologi Pengajaran Tilawah al-Quran, Metodologi Pengajaran Tahfiz al-Quran, Ilmu Tajwid, Rasm al-Quran dan sebagainya.

\*\* Cadangan: Pelajar boleh memilih kursus yang ditawarkan dengan jumlah kredit 16 jam daripada enam (6) Kursus Amalan Profesional.

\*\*\* Cadangan: Penawaran Kursus Elektif Program (Teras dan Terbuka) boleh dilihat kepada keperluan semasa graduan ISMPT dalam mendepani Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Antara yang dicadangkan ialah Kemahiran ICT dalam IR, Keusahawanan, Pengurusan Akademik dan sebagainya.

- Kebolehpasaran Graduan  
Cadangan penubuhan program ini diharap dapat melahirkan graduan tahfiz professional yang menguasai bidang pendidikan dan teknologi selain pengkhususan pengajian Islam. Program ini juga diharap dapat membantu graduan untuk mendapat peluang pekerjaan dek mempunyai nilai tambah segulung ijazah dalam pendidikan berserta dengan sijil tahfiz. (Malaysia, 2017)

## KESIMPULAN

Kebolehan intelek dan daya saing pelajar aliran tahfiz adalah bukan suatu perkara yang boleh dinafikan. Keberadaan ayat-ayat suci al-Quran di dalam ingatan dan dada para hafiz sebenarnya memberi kesan yang langsung kepada penguasaan mereka terhadap cabang-cabang ilmu yang lain seperti pendidikan, kedoktoran, kejuruteraan, pentadbiran dan sebagainya. Namun begitu, adalah amat malang sekiranya kebolehan dan keunikan mereka ini terbatas dengan laluan ke peringkat yang lebih tinggi tidak dibuka bahkan disekat dalam pembangunan etika modal insan. Dengan cadangan penubuhan Institut Perguruan Tahfiz Malaysia (IPTM) ini diharap sedikit-sebanyak mampu membuka mata banyak pihak khususnya ibu bapa dan majikan dalam melihat peluang yang amat besar bagi laluan aliran tahfiz bermula dari peringkat rendah sehinggalah ke alam pekerjaan. Sekiranya pihak yang berkaitan melihat isu ini dengan lebih serius, ia secara tidak langsung meletakkan juga program pengajian yang ditawarkan oleh IPTM ini menjadi pilihan utama pelajar tahfiz di seluruh negara bagi lepasan SPM sebagai laluan menyambung pengajian.

## RUJUKAN

- 2011, November 20). Retrieved from mtaqyik: <http://mtaqyik.blogspot.com/>
- Baba, M. S. (2013). Integrating Ulul Albab Education and Science Education in Development Insan Ta' Dibi Generation: A Case Study of Mara Junior. WEI International Academic Conference Proceedings, (pp. 96-103).
- Hameed, A. A. (2003). دلالات الألوان في التعبير القرآني. 'Ulum Islamiyyah, 134-189.
- Hamzah, W. M. (2016, Disember 23). Penerapan Konsep Ulul Albab Dalam Pendidikan.

- Retrieved from [www.ipislam.edu.my:  
http://www.ipislam.edu.my/2000/uploaded/PKPI2012/38%20PENERAPAN%20KONSEP%20ULUL%20ALBAB%20DALAM%20PENDIDIKAN.pdf](http://www.ipislam.edu.my:2000/uploaded/PKPI2012/38%20PENERAPAN%20KONSEP%20ULUL%20ALBAB%20DALAM%20PENDIDIKAN.pdf)
- Ismail, M. S. (2019). Pendidikan Tahfiz Aliran Perdana. Seminar Hala Tuju Pengajian Tahfiz Peringkat Kebangsaan 2019 (pp. 54-71). Kota Bharu: KIAS.
- KPM, B. P. (2015). Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz. Retrieved from [http://jpnperak.moe.gov.my/jpn/  
http://jpnperak.moe.gov.my/jpn/attachments/article/2558/KBT%20Maklumat%20Asas%202015.pdf](http://jpnperak.moe.gov.my/jpn/attachments/article/2558/KBT%20Maklumat%20Asas%202015.pdf)
- Malaysia, I. P. (2017). Program Pendidikan Guru. Retrieved from [http://ipgkpm.edu.my:  
http://ipgkpm.edu.my/download/bp\\_pismp\\_sesi\\_2017-18.pdf](http://ipgkpm.edu.my:2000/download/bp_pismp_sesi_2017-18.pdf)
- Muhaidi Hj Mustaffa, M. A. (2015). Eksplorasi Hubungan Hafazan Al-Quran dan Kecemerlangan Para Pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulau Chondong. Prosiding Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan (pp. 123-132). Bandar Baru Bangi: KUIS.
- Perak, J. P. (2015). Maklumat Asas KBT. Retrieved from Jabatan Pelajaran Negeri Perak: <http://jpnperak.moe.gov.my/jpn/attachments/article/2558/KBT%20Maklumat%20Asas%202015.pdf>
- Tamuri, A. H. (2019). Prospek dan Cabaran Pendidikan Tahfiz Dalam Sistem Pendidikan Negara. Seminar Hala Tuju Pengajian Tahfiz Peringkat Kebangsaan 2019 (pp. 1-26). Kota Bharu: KIAS.